

## Bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN: antara realiti dengan hambatan

### ABSTRAK

Bahasa Melayu bukanlah satu bahasa yang statik tetapi ialah satu bahasa yang dinamik dan sentiasa berkembang mengikut arus perkembangan zaman. Kini bahasa Melayu sedang mengorak langkah untuk menjadi bahasa rasmi ASEAN. Justeru, makalah ini akan membincangkan realiti bahasa Melayu sebagai bahasa utama di ASEAN. Kedua, menghuraikan isu yang menjadi hambatan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif ini dijalankan menggunakan kaedah temu bual dan tinjauan. Sebanyak 160 orang pelajar institusi pengajian tinggi telah dipilih sebagai responden menggunakan teknik persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN memperlihatkan satu realiti berdasarkan sejarah bahasa Melayu, yang berkembang dengan pesat dan berperanan sebagai bahasa untuk mengungkapkan ilmu dalam pelbagai bidang, bahasa lingua franca di rantau ASEAN, dan bahasa Melayu sudah terbukti mempunyai kekuatan dalam sejarah peradaban bangsa Melayu di rantau ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai hambatan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Antara hambatan itu adalah kurangnya jati diri bangsa Malaysia terhadap bahasa Melayu, keraguan bangsa Malaysia terhadap kemampuan bahasa Melayu untuk menyaingi bahasa Inggeris dalam beberapa domain ilmu pengetahuan moden, dan kemampuan bahasa Inggeris dalam bidang perniagaan dan perdagangan pada peringkat ASEAN dan antarabangsa. Hal ini terjadi kerana 80% responden berpendapat bahawa bahasa Melayu telah tidak dilaksanakan peranannya untuk tujuan intelektual di negara ini, dan 63% responden berpendapat bahawa hal ini akan menyebabkan bahasa Melayu diragui keupayaannya sebagai bahasa rasmi ASEAN. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu dalam siaran media juga memperlihatkan penggunaan struktur ayat yang tidak tepat dan ayat yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Kesimpulannya, bahasa Melayu ialah bahasa akar kepada bahasa Melayu di Nusantara dan juga di rantau ASEAN. Justeru untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN, usaha merealisasikannya perlu dilakukan dengan bijak dan berani. Pendek kata perlu ada usaha kerjasama antara pihak kerajaan dengan rakyat agar bahasa Melayu dapat memenuhi strategik untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN.

**Keyword:** Malay; ASEAN; The official language; The history of languages